

Perpecahan umat Islam makin ketara

KUALA LUMPUR, Jumaat — Tafsiran, ajaran dan ijtihad yang diamalkan oleh pelbagai 'tarekat' menyebabkan Islam dan penganutnya berpecah-belah, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Katanya, Syiah, Ahli Sunnah Wal-Jamaah, Khawarij, Druze dan banyak lagi kumpulan yang muncul dalam dunia Islam hanya akan melanjutkan lagi perpecahan melalui tafsiran oleh imam yang berbeza dari setiap kumpulan, dalam masa yang berbeza.

Berikutan keadaan itu, Perdana Menteri berkata, Islam menjadi agama yang mempunyai pelbagai amalan dan kepercayaan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, banyak ajaran dan tafsiran mengenai Islam yang dibuat oleh 'ulama' dan dipercayai 'sangat suci', memusnahkan Islam dan penganutnya.

"Jika hari ini umat Islam terpaksa menyem-

bah kaki musuh, lemah untuk menyelesaikan masalah dengan pihak Yahudi, ia bukan disebabkan oleh Islam tetapi akibat tafsiran Islam yang dibuat oleh ulama yang muncul selepas zaman keagungan Islam.

"Sebelum tafsiran dan ajaran oleh ulama ini, umat Islam adalah yang paling berjaya di dunia, yang menyebarkan ajaran agama, membina empayar yang luas dan melahirkan tamadun yang agung," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian di majlis perasmian Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (Istac) di sini, malam ini.

Beliau berkata, turunnya Islam bertujuan memperbaiki sistem nilai kepercayaan dan seluruh bangsa serta mengajar masyarakat mengenai cara perhubungan, pentadbiran, undang-undang, ekonomi dan kehidupan sosial.